



فجابه فغارہ تانہ دان كالين ترغكانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 & 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon: 09-6231957 samb. 2700 – 2706
3100 – 3114

Fax : 09-6229887

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 4/1996

PINDAAN KEPADA PEKELILING PTG.TR. 1/1994 PENYERAGAMAN SYARAT-SYARAT PEMBERIMILIKAN TANAH PROJEK PENGGUNAAN GAS SEMENANJUNG.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Terengganu Kali Ke 1/1995 yang bermesyuarat pada 27 Ogos 1995 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kertas Mesyuarat Bil. 1193/95 pada 25 Oktober 1995 telah bersetuju meminda penyeragaman syarat-syarat pemberimilikan Tanah Projek Penggunaan Gas Semenanjung seperti berikut:-

- (i) Projek PGU diiktirafkan sebagai **"utilities service"**;
- (ii) Premium bagi tanah kerajaan hendaklah mengikut kadar pasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta;
- (iii) Premium bagi tanah yang telah diambil balik hendaklah kadar nominal RM10.00 selot.
- (iv) Kategori penggunaan tanah ditetapkan sebagai **"NIL"**;
- (v) Syarat Nyata "Boleh digunakan untuk saluran petroleum dan kegunaan lain yang berkaitan sahaja".
- (vi) Kadar cukai tanah tahunan RM32.00 bagi 100 meter persegi;
- (vii) Jenis Hakmilik ialah Pajak Negeri bagi tempoh 99 tahun;
- (viii) Bagi penggunaan tanah yang lain, hakmilik berasingan dengan kategori kegunaan tanah dan Sekatan Kepentingan yang sesuai akan didaftarkan.

2. Manakala syarat-syarat lain yang dikenakan terdahulu oleh Pekeliling PTG.TR Bil. 1/1994 adalah dikekalkan.

Sekian.

" KUALITI TERAS KEJAYAAN "

Saya yang menurut perintah,


(DATO' RAKNA BUJAYA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Edaran kepada:

1. Pentadbir Tanah Besut.
2. Pentadbir Tanah Dungun.
3. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Marang.
7. Pentadbir Tanah Setiu.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan.
3. Semua Timbalan/Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
4. Fail Timbul.

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (51)

Bertarikh : 11 Disember 1995.
Bersamaan : 16 Rajab 1416.


MBM/ha.
arah496.disk 2A